



Ruj. Kami : JPA.BK (S) 226/6/16 Jld. 3(68)
Tarikh : 28 Oktober 2015

Semua Pengurus Sumber Manusia
Kementerian/Jabatan/Negeri/Agensi

Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PENILAIAN KEFAHAMAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM) DAN MODUL KURSUS E-PEMBELAJARAN PTM SECARA DALAM TALIAN

Saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa susulan daripada **kejayaan pilot test Penilaian Kefahaman Program Transformasi Minda (PTM)** yang telah dijalankan kepada beberapa agensi terpilih, Jabatan ini akan menawarkan kemudahan penilaian PTM tersebut secara dalam talian melalui portal E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) kepada lain-lain institusi Kerajaan yang berminat untuk menggunakannya.

3. Seajar dengan kaedah penilaian secara dalam talian, kelengkapan komputer dan kemudahan internet hendaklah memenuhi spesifikasi minimum seperti berikut :

- i. Kemudahan pelayar internet (selain daripada *Internet Explorer*);
- ii. Windows XP;
- iii. RAM 2 GB
- iv. Hard disk 160 GB;
- v. *Monitor* minimum 17 inci, *mouse* dan *keyboard*;
- vi. Sistem pemprosesan *Intel Processor Core 2 Duo* atau yang setaraf dengannya;
- vii. Kelajuan capaian Internet 4 Mbps



4. **Penilaian Kefahaman** ini merupakan satu (1) modul yang khusus untuk menguji tahap kefahaman penjawat awam yang baharu dilantik dalam sektor awam terhadap modul PTM yang telah mereka hadiri.

5. Sehubungan itu, Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang ingin melaksanakan penilaian kefahaman secara dalam talian hendaklah memaklumkan kepada jabatan ini terlebih dahulu supaya persiapan awal dapat diaturkan bagi menerangkan secara terperinci pelaksanaan program tersebut.

6. Selain itu, Jabatan ini juga telah menawarkan kaedah pembelajaran PTM secara dalam talian melalui EPSA iaitu:

Bil.	Kategori Pembelajaran	Modul Program Transformasi Minda
1.	Kursus	Tanggungjawab dan Peranan Pegawai (Peraturan Pegawai dan Perintah-perintah Am - Gaji, Elaun dan Kemudahan)
2.	Kursus	Tanggungjawab dan Peranan Pegawai (Tatakelakuan dan Tatatertib - Aku Janji)
3.	Kursus	Tanggungjawab dan Peranan Pegawai (Peraturan Pegawai Awam-Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan)

7. **Ketiga-tiga modul kursus di atas** merupakan kursus latihan biasa yang boleh di ambil oleh semua penjawat awam bagi tujuan memenuhi syarat latihan tujuh (7) hari berkursus bagi semua penjawat awam dalam tempoh setahun. Walaupun modul ini diberi nama Modul Program Transformasi Minda, namun ianya adalah sebagai satu modul latihan biasa yang boleh digunakan sebagai mencukupkan jumlah hari berkursus yang telah ditetapkan.

8. Sekian untuk makluman dan perhatian tuan/ puan. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini boleh disalurkan kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Sektor Penilaian Kompetensi
Aras 7, Menara Seri Wilayah
Presint 2, 62100 Putrajaya**

No. Telefon : 03-8885 5297/ 5269/ 5273

No. Faks : 03-8324 2577

E-mel : ptm@jpa.gov.my


Atau

**Timbalan Ketua Kluster
Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC)
Institut Tadbiran Awam Negara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(ZOHARI BIN SAID)

Cawangan Operasi Perkhidmatan

Bahagian Perkhidmatan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA



03-8885 4079

03-8324 2577

zohri@jpa.gov.my